

KEMUDAHAN DAN PERJANJIAN BAGI PROGRAM PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARA BIASISWA (HLPSB) TAHUN 2021

1. KEMUDAHAN

(i) Pegawai yang terpilih untuk menerima HLPSB tahun 2021 akan diberi kemudahan penajaan yang merangkumi:

(a) pembayaran **Yuran Pengajian, Elaun Buku dan Elaun Tesis** di sepanjang tempoh pengajian berdasarkan kaedah berikut:

PERINGKAT	ELAUN	TEMPOH
SARJANA	i. Yuran Pengajian dibayar sebagaimana dituntut oleh pihak universiti. ii. Elaun Buku - 2 kali sahaja sepanjang pengajian. iii. Elaun Tesis - Dibayar di akhir pengajian.	3 tahun
Ph.D	i. Yuran Pengajian dibayar sebagaimana dituntut oleh pihak universiti. ii. Elaun Buku - 4 kali sahaja sepanjang pengajian. iii. Elaun Tesis - Dibayar di akhir pengajian.	5 tahun

(b) tuntutan tambang ke universiti (terhad 6 kali - pergi dan balik dikira sekali);

(c) tuntutan aktiviti kutip data / pembentangan kertas kerja (Kedoktoran sahaja);

(ii) Selain daripada yang dinyatakan di atas, pegawai juga layak untuk mendapatkan kemudahan **Cuti Kursus Sambilan tidak melebihi 30 hari** dalam setahun seperti yang diperuntukkan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2009.

2. PERJANJIAN PENAJAAN

Pegawai-pegawai yang ditawarkan HLPSB tahun 2021 dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan. Pegawai adalah tertakluk kepada tempoh ikatan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan serta obligasi-obligasi lain yang terkandung di dalam perjanjian yang ditandatangani tersebut.